

06 SEP 2001

Britain-Hubungan

LONDON HARAP HUBUNGAN DIKUKUHKAN DENGAN LAWATAN DR MAHATHIR

Oleh: Alan Ting

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- London yakin bahawa hubungannya dengan Kuala Lumpur akan diperkukuhkan lagi dengan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Britain minggu depan.

Pesuruhjaya Tinggi Britain yang akan tamat perkhidmatannya di Malaysia, Graham Fry berkata Britain amat berminat untuk memastikan hubungan rapat dan mesra akan berterusan dengan Malaysia memandangkan kedua-dua negara mempunyai hubungan yang mendalam dari segi sejarah hinggalah kepada pelaburan, perdagangan dan pendidikan .

"Pada pertemuan antara Dr Mahathir dan (Perdana Menteri Britain) Tony Blair, saya jangkakan mereka akan memperkatakan secara umum kedudukan hubungan dua hala dan kemungkinan satu atau dua lagi isu antarabangsa," katanya kepada Bernama dalam satu temu ramah di sini hari ini.

Fry, yang penggal perkhidmatannya selama tiga tahun, akan berakhir pada 19 Sept. Beliau dijadual kembali ke London sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian di pejabat Hal Ehwal Luar.

Dr Mahathir dijangka tiba di London pada 11 Sept bagi lawatan dua hari sebelum mengunjungi Russia, Jerman dan Luxemburg.

Fry berkata Britain sentiasa menganggap Malaysia sebagai sebuah negara yang penting di dunia sebelah sini.

"Jadi apa yang kami mahu lakukan ialah untuk memperkukuhkan lagi hubungan itu dan memastikan kita memelihara hubungan rapat itu," katanya.

Beliau berkata antara usaha yang akan dilaksanakan Britain ialah meningkatkan perdagangan dan pelaburan di Malaysia yang telah pulih daripada kemerosotan ekonomi yang bermula pada 1997.

"Kerajaan British telah memutuskan untuk memberi penjelasan kepada syarikat industri kecil dan sederhananya melalui rakan dagangan di United Kingdom mengenai pemulihan ekonomi Malaysia," katanya sambil menjelaskan bahawa lebih banyak misi dagangan ke Malaysia akan diadakan sebelum akhir tahun ini.

"Satu misi Majlis British Malaysia akan diadakan pada akhir Oktober dan pada November, lebih 100 syarikat Britain akan mengunjungi Malaysia dalam satu misi minyak dan gas," katanya.

Fry berkata Kuala Lumpur dan London juga dijangka mengadakan kerjasama dalam bidang sains dan teknologi memandangkan Britain melahirkan paling ramai nobel sains di belakang Amerikak Syarikat.

"Kami mahukan hubungan yang lebih erat dalam bidang sains dan teknologi memandangkan kami mempunyai sekurang-kurangnya 15 syarikat Britain yang beroperasi di Koridor raya Multimedia (MSC)," katanya.

Mengenai pendidikan, beliau berkata Britain telah mengembangkan program biasiswa mereka apabila mereka mewawarkan kira-kira 50 biasiswa lepasan ijazah bagi rakyat Malaysia untuk melanjutkan pengajian di Britain.

"Semuanya dibiayai percuma di bawah program biasiswa itu kerana kami amat berminat menerima yang terbaik dari Malaysia," katanya sambil menjelaskan bahawa kedutaan di Kuala Lumpur juga sedang mengusahakan penubuhan "Rangkaian Alumni Britain" memandangkan beribu-ribu rakyat Malaysia merupakan lulusan daripada universiti Britain setiap tahun.

Mengenai jawatan barunya, beliau berkata: "Saya masih banyak terlibat dengan Malaysia memandangkan tugas baru saya meliputi Malaysia walaupun liputannya lebih meluas lagi."

"Saya amat gembira dengan Malaysia dan sedih untuk meninggalkan negara," katanya.

Ditanya bila Blair akan mengadakan lawatan pertamanya ke Malaysia, Fry berkata: "Saya tahu yang beliau mahu datang, hanya menunggu masa sahaja."

Blair dilantik menjadi Perdana Menteri untuk penggal kedua selepas Parti Buruhnya memenangi pilihan raya Britain pada Jun tahun ini.

-- BERNAMA

AT AHH RON